

## SOALAN 1

Huraikan pendapat anda tentang prakarsa memajukan industri pelancongan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan kehendak soalan

1. Calon perlu menghuraikan tentang **kebaikan aktiviti gotong-royong**
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan.
  - ✓ memupuk nilai murni
  - ✓ mengeratkan hubungan
  - ✓ menjamin kebersihan persekitaran
3. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum peringkat **kepujian** sahaja.
4. Sekiranya calon mengambil satu isi yang diberikan dan ditambah dengan isi yang lain, layak diberikan **cemerlang**.

Komen pemeriksa

T = tugas

I = Idea

B = Bahasa

P = Pengolangan

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

**Soalan:**

1. Belakangan ini, isu kenakalan remaja hangat diperkatakan dan membawa petanda yang tidak baik kepada generasi akan datang. Huraikan peranan anda sebagai seorang remaja dalam membentuk sahsiah diri yang terpuji.

Cadangan Idea:

- ❖ mengamalkan dan mendalami suruhan agama
- ❖ menghormati ibu bapa/ orang yang lebih tua
- ❖ bijak mengurus masa
- ❖ bijak memilih rakan
- ❖ menjauhkan diri daripada aktiviti tidak berfaedah

2. Amalan membaca haruslah dipupuk kepada generasi muda untuk melahirkan golongan yang berilmu pengetahuan. Tuliskan satu rencana tentang cabaran dan peranan ibu bapa untuk memupuk minat membaca kepada anak-anak.

Cadangan Idea:

Peranan ibu bapa:

- ❖ membeli bahan bacaan secara berkala
- ❖ menyediakan suatu ruangan sebagai perpustakaan mini di rumah
- ❖ membawa anak-anak ke ekspo atau pameran buku
- ❖ menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan kebahasaan
- ❖ menjadi suri teladan kepada anak-anak

3. Terdapat banyak tempat menarik di negara kita yang menjadi tarikan pelancong sama ada pelancong tempatan ataupun pelancong asing.

Huraikan kepentingan-kepentingan industri pelancongan terhadap pembangunan negara

Cadangan Idea:

- ❖ aspek politik - hubungan antarabangsa dengan negara asing semakin luas
- ❖ aspek ekonomi – peluang ekonomi lebih terbuka – kemajuan kepada industri pelancongan (perhotelan) -memajukan industri hiliran berkaitan pelancongan seperti makanan, pakaian, cenderamata, pengangkutan dsb
- ❖ aspek sosial – masyarakat memperolehi pelbagai pendedahan daripada interaksi dengan orang asing -aspek budaya – Bahasa dan cara berfikir
- ❖ Malaysia dapat memaksimumkan potensi negara – sistem pengangkutan yang dibangunkan, kemudahan prasarana, alam sekitar yang terjaga dan semua semua potensi alam berjaya dimanfaatkan
- ❖ Boleh mempertingkatkan tukaran asing – kehadiran pelancong dari Timur Tengah, Jepun, Korea, China, Eropah dsb boleh meningkatkan kadar tukaran mata wang negara

4. Kemasukan pelajar asing ke negara ini telah menjadikan Malaysia sebagai hab Pendidikan yang tersohor pada peringkat global. Huraikan faktor-faktor yang menarik minat pelajar-pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pelajaran negara ini berbanding dengan negara-negara lain.

Cadangan Idea:

- ❖ kos sara hidup dan yuran yang berpatutan
- ❖ bahasa komunikasi dalam urusan seharian
- ❖ memenuhi kehendak pasaran
- ❖ kestabilan politik negara
- ❖ kebudayaan dan tradisi rakyat Malaysia yang unik

5. Adat Sezaman ditinggal jauh  
Adat agama dipandang remeh  
Adat kuning menjadi ikutan

Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada sajak “**Adat Sezaman**” yang membawa maksud sikap masyarakat yang semakin melupakan adat resam, memandang remeh ajaran agama, dan mengamalkan budaya kuning. Huraikan peranan masyarakat untuk membentuk sahsiah terpuji dalam kalangan remaja.

Cadangan Idea:

- ❖ Ibu bapa/keluarga – menjadi suri teladan
- ❖ Guru/sekolah – menerapkan nilai-nilai murni di dalam kelas/ di luar kelas
- ❖ Masyarakat – bersikap peka/ tegur -menegur
- ❖ Masyarkaata – mengimarahkan program-program di masjid/gereja/tokong/kuil
- ❖ Media – menyiarkan program-program yang sesuai
- ❖ Kerajaan – menyekat kemasukan budaya kuning seperti konsert artis luar
- ❖ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) -mendekati golongan remaja dengan program yang dianjurkan seperti ABIM( Angkatan Belia Islam) dll

SELAMAT MEMERIKSA

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

### Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh **30** dibahagikan kepada

Isi - 20 markah

Bahasa - 10 markah

Isi [ 20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- ✓ nama khas
- ✓ perkataan berganda
- ✓ penggunaan Kata sendi *di* dan *ke*
- ✓ tarikh
- ✓ angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- ✓ Gelaran

(ii) **Kira** dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) **Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja**, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap

### Soalan 1- Rumusan

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1	Petikan membincangkan usaha-usaha/cara-cara/pendekatan/tindakan/strategi/inisiatif/prakarsa meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik di Malaysia/negara kita.	2
P	Rumusan membincangkan usaha-usaha/cara-cara/pendekatan/tindakan/strategi/inisiatif/prakarsa meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik dan kebaikan menguasai mata pelajaran tersebut.	2
P	Petikan/ Rumusan membincangkan usaha-usaha/cara-cara/pendekatan/tindakan/strategi/inisiatif meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik.	1
<b>Isi Tersurat – [4 hingga 12 markah] (Langkah -langkah )</b>		
S1	<b>Kementerian Pendidikan Malaysia</b> akan memperhalusi setiap program pendidikan	2
S2	pembudayaan Sains dan Matematik diterapkan dalam diri pelajar sejak kecil	2
S3	<b>pihak sekolah</b> perlu bersinergi dengan masyarakat untuk meningkatkan kecemerlangan mata pelajaran.	2
S4	<b>kempen</b> kesedaran tentang mata pelajaran Sains dan Matematik dalam kalangan masyarakat perlu diperhebat.	2
S5	<b>pihak industri</b> disaran menjadi rakan kongsi dengan Kementerian Pendidikan.	2

S6	<b>pelajar</b> mestilah menerima teknik pengajaran berasaskan KBAT	2
S7	<b>guru dan pelajar</b> sentiasa bekerjasama mencapai objektif pembelajaran yang lebih hoslitik	2
S8	<b>guru</b> juga perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan semasa dalam pengajaran dan pemudahcaraan.	2
<b>Isi Tersirat: Keباikan menguasai mata pelajaran Sains &amp; Matematik</b>		
T1	<b>pelajar</b> dapat menggunakan kemahiran Sains dan Matematik dalam kehidupan	2
T2	<b>pelajar</b> dapat berfikir dengan lebih kritis	2
T3	<b>pelajar</b> dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains dan Matematik	2
T4	<b>pelajar</b> dapat bersaing dalam pertandingan berasaskan Sains dan Matematik di peringkat antarabangsa	2
<b>Kesimpulan [ 2 markah]</b>		
K1	Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik agar/supaya generasi yang cemerlang dapat dilahirkan	2
Terima mana-mana jawapan murid yang relevan.		

**(b) Bahasa [ 10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Kriteria
Baik	18-20 15-17	9-10 7-9	Kesinambungan isi baik Struktur ayat/tatabahasa baik Kosa kata luas Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	Kesinambungan isi masih baik Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan Kosa kata masih memuaskan Tanda baca/ejaan jua memuaskan
Lemah	1-7	1-4	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota:

- Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.
- 

[ Markah bahasa maksimum:10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

*Soalan 2 (a) : 9 markah*

*Soalan 2(b): 9 markah*

*Soalan 2(c) :9 markah*

*Soalan 2(d): 9 markah*

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

- ✓ Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri
- ✓ Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna
- ✓ Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah	
DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah –	
DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1

3. Soalan 4 markah –	
DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

<b>Soalan 2(a) - Petikan umum:</b>		
(i)	Maksud rangkai kata <i>percambahan idea</i> :	
	perkongsian/pertambahan pendapat/buah fikiran	2
(ii)	<b>Sebab -sebab pelajar tidak yakin terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik-2 isi cukup (Jawapan terdapat dalam petikan)</b>	
P1	kerisauan pelajar terhadap pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik	1
P2	kurangnya pendedahan dari aspek kerja dalam bidang berkenaan	1
P3	pengaruh rakan sebaya	1
P4	sikap ibu bapa yang tidak menyokong pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik	1
(iii)	<b>Usaha mengatasi kelemahan dalam kedua-dua mata pelajaran -3 isi cukup</b>	
P1	mendapatkan bimbingan secara khusus dengan guru berkenaan	1
P2	berbincang dengan rakan yang mahir subjek Sains dan Matematik	1
P3	memperbanyak latihan tubi menjawab soalan	1
P4	mengikuti kelas tambahan/bimbingan berkaitan subjek Sains dan Matematik	1
P5	mengikuti kelas tuisyen	1
P6	mengikuti kelas pembelajaran melalui alam maya - Internet/WhatsApp/Telegram	

<b>Soalan 2(b) – Prosa Moden (Drama Berkhidmat untuk Negara)</b>		
(i)	<b>Dua alasan Aiman</b>	
P1	Aiman belum lapar	1
P2	belum hendak makan lagi	1
P3	hendak menunggu Kak Dapnia balik	1
P4	hendak makan bersama dengan Kak Dapnia	1
P5	Aiman belum lapar	1
(ii)	<b>Tindakan ibu Aiman – 2 isi cukup</b>	
P1	sediakan makanan untuk Aiman/ makan bersama-sama	1
P2	bertanyakan/ membincangkan/ menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh anaknya	
P3	sentiasa ambil berat pelajaran Aiman	
P4	beribadat/ bersolat bersama-sama	
P5	sentiasa menegur/ memberi nasihat	
P6	memujuk/ menenangkan perasaan/ berkongsi suka duka/ kegembiraan	
P7	beri hadiah/ penghargaan/ pujian atas kejayaan Aiman	1
P8	menemani Aiman mengulang kaji/ belajar	1
P9	membawa Aiman ke taman rekreasi/ bersukan/ berkelah	
	@ terima mana-mana jawapan calon yang relevan dengan kehendak soalan	1
(iii)	<b>Nilai kemanusiaan dalam petikan</b>	
-	<b>Berfikiran terbuka/ Positif</b> - Nek Simah tidak mahu Aiman bercakap tidak baik tentang ibu dan kakaknya kerana mereka pasti ada urusan penting	1+1
	<b>Nilai kemanusiaan dalam keseluruhan drama</b>	
-	<b>Amanah</b> - Selepas memberi kata-kata perangsang kepada Aiman tentang kebaikan PLKN, posmen meminta diri untuk meneruskan tugasnya menghantar surat kerana dia menganggap surat-surat tersebut adalah amanah yang diberikan kepadanya.	1+1
-	<b>Ketegasan/ tetap pendirian</b> - Apabila Aiman meminta Khir Ghazali membantunya mendapatkan pengecualian daripada PLKN, beliau bertegas untuk tidak membantunya, Hal ini adalah kerana beliau tahu bahawa PLKN akan banyak memanfaatkan Aiman.	1+1
-	<b>Bertanggungjawab</b> Contohnya: Cikgu Dahari memberikan penerangan yang jelas kepada murid-muridnya agar mereka faham akan objektif dan pelaksanaan PLKN Contohnya: Walaupun sibuk bekerja, beliau mengambil berat terhadap Aiman. Apabila Aiman berdepan dengan masalah, beliau mendengarnya dengan sabar dan cuba menyelesaikannya.	1+1
	<b>Patriotisme/ Cinta akan negara</b> - apabila Aiman menyatakan bahawa dia tidak tahu di mana terletaknya Jempol kerana selalu bercuti di luar negara, kawannya Sundarani menegurnya bahawa kita perlu menghargai tanah air kita.	1 + 1
	<b>Kasih sayang</b> - Walaupun Nek Sinah bekerja sebagai pembantu rumah di rumah Khir Ghazali namun dia amat menyayangi Aiman dan memasak makanan kegemarannya serta melayannya seperti cucu sendiri.	1+ 1



<b>Soalan 2(c) – Prosa Tradisional</b>		
(i)	<b>Berikan maksud Teririk bangkai</b>	
	- terpijak (1m) mayat (1m)	2m
(ii)	<b>Perkara yang berlaku kepada mayat Kertala Sari– 2 isi cukup</b>	
P1	syawatnya telah dihiris oleh Laksamana	1m
P2	telinganya dikerat	1m
P3	kepalanya dikerat	1m
P4	Kaki tangannya juga dikerat	
(iii)	<b>Faktor mereka sanggup mengaku membunuh Kertala Sari - 2 isi cukup</b>	
P1	mendapat perhatian raja	1m
P2	mahu mendapat ganjaran/hadiah/wang	1m
P3	mahu dilantik sebagai penggawa/penghulu/hulubalang	1m

<b>Soalan 2(d) – Puisi Tradisional</b>		
(i)	<b>Maksud ‘Cinta dalam rahim dilupai’</b>	
	- Kasih sayang ibu yang tidak dihargai/dilupakan/diabaikan	1
(ii)	<b>Tindakan anak-anak :</b>	
P1	menggajikan pembantu untuk menjaga ibu bapa yang telah uzur/sakit	1
P2	menggilirkan jadual menjaga ibu bapa antara adik beradik	1
P3	mendidik anak yang sudah dewasa menjaga datuk atau nenek	1
P4	meletakkan ibu bapa di rumah adik-beradik yang lain sementara anak bekerja	1
P5	menggajikan pembantu untuk menjaga ibu bapa yang telah uzur/sakit	1
(iii)	<b>Persoalan yang diketengahkan dalam sajak:</b>	
P1	Persoalan harapan orang tua yang tetap sayang akan anak-anaknya	2
P2	Persoalan kesedaran bahawa Tuhan sahaja yang kekal abadi	2
P3	Persoalan kehidupan seorang tua yang tidak dijenguk dan tidak dipedulikan oleh anak-anak	2
P4	Persoalan orang tua berharap agar anak-anaknya diberi keinsafan	2
P5	Persoalan sikap anak-anak yang saling menolak tanggungjawab untuk menjaga orang tua mereka.	2

**Soalan 3 :**

Markah penuh dibahagikan kepada

*Soalan 3(a) : 6 markah*

*Soalan 3(b) : 6 markah*

*Soalan 3(c) : 6 markah*

*Soalan 3(d) : 6 markah*

*Soalan 3(e) : 6 markah*

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

- i. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
- ii. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
- iii. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
- iv. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
- v. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
- vi. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
- vii. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
- viii. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
- ix. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

(i)	melarik – 1. menjadikan licin dan bulat. 2. mengorek atau melubangi, mengukir.
(ii)	melirik – menjeling dengan tajam, mengerling
(iii)	menjurus – mengarah, menuju (terus ke atau kepada), tertumpu
(iv)	menjirus – menyiram dengan air
(v)	menuntun – 1. menolong orang lain berjalan dengan memegang tangannya, memimpin. 2. menghela (basikal, kerbau)
(vi)	Menonton – menengok (pertunjukan, wayang gambar)
[6 markah]	

<b>Soalan 3(b) -Cakap ajuk kepada cakap pindah</b>		
(i)	- Cikgu Arni menanyakan/ ingin tahu pendapat Hayati tentang kepentingan pengurusan kewangan dalam kehidupan.	2
	- Cikgu Arni menanyai Hayati tentang kepentingan pengurusan kewangan dalam kehidupan.	2
(ii)	Pemuda itu melarang rakannya mengambil makanan yang mengandungi kolesterol yang tinggi.	2
(iii)	Puan Siti berpesan kepada anak gadisnya supaya berhati-hati ketika membeli barangan secara dalam talian.	2
[ 6 markah]		

<b>Soalan 3( c) – Kesalahan ejaan dan imbuhan</b>		
(i)	apliekasi – aplikasi berangsang - terangsang	2
(ii)	fenomina – fenomena melayar - melayari	2
(iii)	hedonisma – hedonisme melalai - melalaikan	2
[ 6 markah]		

Soalan 3( d) - Kesalahan istilah/kata dan tatabahasa		
(i)	tinggal – bersemayam kepada - akan	2
(ii)	khusus -kursus terhadap - tentang	2
(iii)	tersadai – tersidai di atas - atas	2
		[ 6 markah]

Soalan 3( e) - Peribahasa		
(i)	Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul	
(ii)	bagai burung dalam sangkar, mata lepas badan terkurung	
(iii)	Ukur baju di badan sendiri	
		[ 6 markah]

### Soalan 4

Markah penuh 15 markah

#### Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii. Beri *1 markah* bagi setiap **latar masyarakat** yang tepat
- iv. Berikan *1 markah* bagi **huraian latar masyarakat** yang tepat
- v. Markah isi, maksimum 4 markah
- vi. Markah bahasa, maksimum 3 markah
- vii. Markah bahasa diberi secara impression

Baik - 3 markah

Sederhana - 2 markah

Lemah - 1 markah

4(a) Latar masyarakat bagi yang terdapat dalam novel. [*7 markah*]

Latar Masyarkat	
Di Sebalik Dinara	Silir Daksina
<b>Masyarakat yang penyayang</b> - Farisha menangis apabila mendapat tahu abangnya , Azrai menghidap penyakit jantung	<b>Masyarakat pendidik</b> - Cikgu Abdullah bin Kayan (Cikgu Amirulnizam), Cikgu Latifah, dan Cikgu Zanariah mengajar di Sekolah Kebangsaan Seri Purnama.
<b>Masyarakat yang bijaksana</b> - Farisha berjaya menggodam sebuah pelayan data di Nusa Jaya dalam tempoh 10 minit	<b>Masyarakat remaja yang berakhlak mulia</b> - Haiqal mempunyai akhlak dan jati diri yang teguh.
<b>Masyarakat yang berani</b> - Farisha berani menerima tawaran untuk menggodam sistem Dinara	<b>Masyarakat yang saling membantu</b> - Keluarga Abdullah bin Kayan sering membantu Tauke Ong ketika kali pertama Tauke Ong berhijrah ke Kampung Seri Purnama seperti menyewakan kebun getah kepada Tauke Ong.
<b>Masyarakat yang baik hati</b> - Farisha akan memberikan ganjaran setiap kali Shida menolongnya	<b>Masyarakat yang gigih memperjuangkan seni budaya</b> - Haiqal juga bekerjasama dengan penduduk kampung untuk mengadakan persembahan zapin D'Purnama sebagai usaha
<b>Masyarakat yang mementingkan diri,</b> -	

<p>Karl menjalankan pelbagai uji kaji saintifik terhadap anaknya Farisha supaya anaknya menjadi genius</p> <p><b>Masyarakat yang taasub kepada teknologi,</b> - Karl menukarkan Alia daripada seorang manusia kepada <i>cyborg</i></p>	<p>untuk menghargai perjuangan ayahnya, Abdullah bin Kayan.</p> <p><b>Masyarakat yang bersatu padu dan saling bekerjasama</b> - Penduduk kampung Seri Purnama bergotong-royong untuk menayakan persembahan zapin D'Purnama. Haji Jamil membahagi-bahagikan tugas mereka, iaitu memasak jamuan dan memasang khemah.</p>
--	--

Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa  
Calon yang tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

(b)

- i. Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii. Beri **1 markah pernyataan konflik** dikemukakan bagi setiap novel
- iv. Beri **2 markah cara mengatasi** yang lengkap/jelas bagi setiap novel
- v. Markah isi, maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap persoalan)
- vi. Markah bahasa, maksimum 2 markah.
- vii. Markah bahasa diberi secara impression

Baik - 2 markah  
Lemah - 1 markah

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa  
Calon yang tidak menjawab 0 markah

[Maksimum: 8 markah]

<b>Di Sebalik Dinara</b>	<b>Silir Daksina</b>
<p>Konflik dalaman Farisha sama ada menerima tawaran kerja di Soft Lab ataupun tidak. Farisha berasa ragu-ragu dengan tawaran daripada Dr. Maxi yang bernilai RM1.5 juta dan hatinya terdetik bagaikan ada sesuatu yang tidak kena. Farisha meminta masa untuk mempertimbangkan tawaran tersebut.</p> <p><b>Cara penyelesaiannya:</b> Farisha meminta pandangan dan berbincang dengan abangnya iaitu Azraai. Farisha akhirnya menerima setelah Azraai bersungguh-sungguh memintanya menerima tawaran tersebut.</p>	<p>Konflik dalam diri Haiqal tentang ayah kandungnya kerana Umi tidak memberitahu apa-apa tentang Abdullah bin Kayan.</p> <p><b>Cara penyelesaiannya:</b> Haiqal nekad pergi ke kampung ayahnya untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang ayahnya</p>

<p>Konflik Farisha tidak dapat masuk ke rumahnya apabila dipasang <i>retinal scanner</i></p> <p><b>Cara penyelesaiannya:</b> Farisha terpaksa menelefon kawannya Shida supaya pulang ke rumah mereka yang pada waktu itu, Shida sedang bermain skuasy bersama Juju untuk membuka pintu rumahnya.</p>	<p>Konflik Haiqal dengan ibunya iaitu Haiqal bertengkar dengan ibunya apabila tidak dibenarkan balik ke kampung ayahnya</p> <p><b>Cara penyelesaiannya:</b> Haiqal memujuk dan menyatakan rasional dia ke kampung ayahnya. Akhirnya, Umi membenarkan Haiqal ke kampung ayahnya.</p>
<p>Konflik menghadapi kebenaran diri sebagai anak angkat. Farisha berasa sedih apabila mengetahui yang dirinya hanyalah anak angkat dalam keluarga Azraai.</p> <p><b>Cara penyelesaiannya:</b> Farisha tabah menghadapi situasi tersebut malah meminta Azraai menceritakan kisah ibu bapa kandungnya lebih lanjut</p>	<p>Konflik Haiqal dalam usaha menjayakan satu majlis persembahan tarian zapin yang ditinggalkan oleh ayahnya apabila ketiadaan penari utama. Peristiwa Lazim yang terlibat dalam kemalangan menyebabkan dia terpaksa mencari penari zapin yang lain.</p> <p><b>Cara penyelesaiannya:</b> Haiqal memujuk Ong See Hwa untuk menari bersama-samanya dalam satu majlis. Ong See Hwa menyatakan persetujuannya menggantikan Lazim.</p>

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**